

**HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI
PENGUNAAN PEMBELAJARAN MUDAH ALIH
(*M-LEARNING*) DAN MOTIVASI PELAJAR
UNIVERSITI PENDIDIKAN PREMIER
MALAYSIA**

PUVANESWARY A/P SEGARAN

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2024**

**HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI PENGGUNAAN PEMBELAJARAN
MUDAH ALIH (*M-LEARNING*) DAN MOTIVASI PELAJAR UNIVERSITI
PENDIDIKAN PREMIER MALAYSIA**

PUVANESWARY A/P SEGARAN

**LATIHAN ILMIAH DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN PENGURUSAN
PERNIAGAAN DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2024**

PERAKUAN PENYELIA

“Saya akui bahawa saya telah membaca laporan penyelidikan ini dan pada pandangan saya karya ini memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengurusan Perniagaan) dengan Kepujian”

Tandatangan :.....

Nama Penyelia :.....

Tarikh :.....

PERAKUAN PELAJAR

Saya akui ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 28.2.2024



Puvaneswary A/P Segaran

D20201093988



PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuhan atas kekuatan dan kemampuan yang diberikan untuk menyelesaikan kajian ini. Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah penyelia, Dr. Ahmad Amri Zainal Adnan dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), atas bimbingan, kesabaran, dan idea-idea yang telah membantu penulis sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis ini. Pengetahuan dan kepakaran beliau dalam bidang ini telah membolehkan penulis menyelesaikan penyelidikan dengan berkesan.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas panduan dan pengetahuan yang diberikan sepanjang perjalanan akademik penulis. Asas yang diletakkan dalam bilik darjah memberikan rangka untuk usaha penyelidikan ini. Penulis juga mengucapkan kepada keluarga dan rakan-rakan atas sokongan, kesabaran, dan pengertian mereka. Sokongan mereka merupakan daya pendorong di sebalik usaha akademik penulis.

Terakhir, penulis ingin mengakui penglibatan dan kerjasama peserta kajian yang telah menyumbangkan masa dan pandangan mereka. Kajian ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa kerjasama mereka. Penulis mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah menjadi sebahagian daripada perjalanan akademik ini.





ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan antara motivasi dalam penggunaan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) dan motivasi pelajar universiti pendidikan premier Malaysia. Responden kajian ini adalah seramai 348 orang pelajar yang terdiri daripada 123 orang lelaki dan 225 orang perempuan dari semester 4 hingga semester 8, Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan menggunakan teknik persampelan berstrata. Kajian ini menggunakan soal selidik skala likert lima mata untuk mendapatkan data dalam bentuk skor min dan sisihan piawai. Nilai pekali Alpha Cronbach untuk alat kajian yang digunakan adalah 0.94. Dapatan analisis deskriptif kajian ini menunjukkan kesemua konstruk menunjukkan nilai skor min yang tinggi, iaitu kemudahan penggunaan pada 4.39, kebolehgunaan pada 4.36, pengaruh sosial pada 4.33 dan interaktiviti pembelajaran pada 4.11. Keputusan analisis korelasi *Pearson* pula menunjukkan $r = .53$ dan $p = .001$ iaitu terdapat hubungan yang positif antara motivasi penggunaan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) dan motivasi pelajar. Hasil kajian ini menggambarkan bahawa terdapat hubungan positif antara motivasi dalam penggunaan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) dan motivasi pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terutamanya dalam konteks peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan tinggi. Implikasinya kajian ini dapat membantu pelbagai pihak seperti institusi pendidikan tinggi, sekolah, dan para pendidik untuk memperbaiki strategi pembelajaran mereka dan mengintegrasikan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini boleh meningkatkan motivasi pelajar dan kualiti pembelajaran. Pengintegrasian pembelajaran mudah alih (*M-learning*) dapat menjadi strategi yang efektif untuk merangsang motivasi pelajar. Oleh itu, institusi pendidikan harus memberi penekanan kepada pembangunan platform pembelajaran mudah alih (*M-learning*) yang mudah digunakan, dapat memberikan kebolehgunaan yang tinggi, dan menyokong interaktiviti pembelajaran yang efektif serta kesedaran terhadap penggunaan pembelajaran mudah alih (*M-learning*), seperti pengaruh sosial dan kebolehgunaan, boleh membantu dalam merancang pendekatan pembelajaran yang lebih sesuai dan menarik untuk pelajar.





RELATIONSHIP BETWEEN MOTIVATION TO USE MOBILE LEARNING (M-LEARNING) AND MOTIVATION OF STUDENTS AT MALAYSIA'S PREMIER EDUCATIONAL UNIVERSITY

ABSTRACT

This study is to identify the relationship between motivation in the use of mobile learning (M-learning) and the motivation of students at Malaysia's premier educational university. The respondents of this study are a total of 348 students consisting of 123 males and 225 females from semester 4 to semester 8, Sultan Idris Education University by using stratified sampling techniques. This study uses a five-point likert scale questionnaire to obtain data in the form of mean scores and standard deviations. Cronbach's Alpha coefficient value for the research tool used is 0.94. The findings of the descriptive analysis of this study show that all constructs show a high mean score value, namely perceived ease of use at 4.39, perceived usefulness at 4.36, social influence at 4.33 and learning interactivity at 4.11. The results of the Pearson correlation analysis showed $r = .53$ and $p = .001$, which means that there is a positive relationship between the motivation of using mobile learning (M-learning) and student motivation. The results of this study show that there is a positive relationship between motivation in the use of mobile learning (M-learning) and student motivation at Sultan Idris Educational University (UPSI), especially in the context of improving the quality of teaching and learning in higher education institutions. The implications of this study can help various parties such as higher education institutions, schools, and educators to improve their learning strategies and integrate mobile learning (M-learning) in teaching and learning. This can increase student motivation and the quality of learning. The integration of mobile learning (M-learning) can be an effective strategy to stimulate student motivation. Therefore, educational institutions should emphasize the development of mobile learning platforms (M-learning) that are easy to use, can provide high usability, and support effective learning interactivity and awareness of the use of mobile learning (M-learning), such as the influence social and usability, can help in planning a more appropriate and interesting learning approach for students.



KANDUNGAN

PERAKUAN PENYELIA	i
PERAKUAN PELAJAR	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	6
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif kajian	8
1.6 Hipotesis Kajian	8
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	9
1.8 Sumbangan Kajian	11
1.8.1 Kepentingan Kajian Kepada Pelajar	11
1.8.2 Kepentingan Kajian Kepada Pensyarah	12
1.8.3 Kepentingan Kajian Kepada Institusi	12
1.8.4 Kepentingan Kajian Kepada Penyelidik	13
1.9 Batasan Kajian	14
1.9.1 Keputusan Khusus Konteks	14

1.9.2 Had Masa	14
1.9.3 Kadar Tindak Balas	14
1.9.4 Teknik Analisis	14
1.10 Definisi Operasi	15
1.10.1 Motivasi	15
1.10.2 Pembelajaran	15
1.10.3 Mudah alih	15
1.10.4 Pembelajaran Mudah Alih atau <i>Mobile Learning (M-learning)</i>	15
1.10.5 Pelajar universiti pendidikan premier Malaysia	16
1.10.6 Pengaruh Sosial (<i>Sosial Influence</i>)	16
1.10.7 Kebolehgunaan (<i>Perceived Usefulness</i>)	16
1.10.8 Kemudahan Penggunaan (<i>Perceived Ease of Use</i>)	16
1.10.9 Interaktiviti Pembelajaran (<i>Learning Interactivity</i>)	16
1.11 Struktur Penyelidikan	17
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	19
2.1 Pengenalan	19
2.2 Pembolehubah Kajian	19
2.2.1 Motivasi Pelajar	19
2.2.2 Pembelajaran Mudah Alih (<i>M-learning</i>)	20
2.2.3 Universiti Pendidikan Premier Malaysia	22
2.2.4 Motivasi dalam pembelajaran mudah alih (<i>M-learning</i>)	23
2.2.5 Pengaruh Sosial (<i>Sosial Influence</i>)	24
2.2.6 Kebolehgunaan (<i>Perceived Usefulness</i>)	25
2.2.7 Kemudahan Penggunaan (<i>Perceived Ease of Use</i>)	25
2.2.8 Interaktiviti Pembelajaran (<i>Learning Interactivity</i>)	26
2.3 Kerangka Teori	27
2.3.2 Teori Penentuan Kendiri	27
2.4 Pembangunan Hipotesis	29
2.4.1 Motivasi Untuk Menggunakan Pembelajaran Mudah Alih (<i>M-Learning</i>) Dan Motivasi Pelajar	29
2.4.2 Pengaruh Sosial Dalam Menggunakan Pembelajaran Mudah Alih (<i>M-Learning</i>)	30

2.4.3 Kebolegunaan Dalam Menggunakan Pembelajaran Mudah Alih (<i>M-Learning</i>)	31
2.4.4 Kemudahan Penggunaan Dalam Menggunakan Pembelajaran Mudah Alih (<i>M-learning</i>)	32
2.4.5 Interaktiviti Pembelajaran Dalam Menggunakan Pembelajaran Mudah Alih (<i>M-Learning</i>)	33
2.5 Kesimpulan	34
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	35
3.1 Pengenalan	35
3.2 Reka Bentuk Kajian	35
3.3 Lokasi Kajian	36
3.4 Populasi dan Sampel Kajian	36
3.5 Pengukuran Item kajian	38
3.6 Instrumen Kajian	44
3.6.1: Bahagian A	44
3.6.2: Bahagian B	44
3.6.3: Bahagian C	45
3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan	47
3.8 Prosedur Kajian	48
3.9 Kajian rintis	49
3.10 Kutipan Data	50
3.11 Analisis Data	50
3.12 Kesimpulan	52
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	53
4.1 Pengenalan	53
4.2 Analisis Deskriptif	54
4.2.1 Ujian Kebolehpercayaan dan Keesahan	54
4.2.1 Profil Demografi Responden	56
4.2.2 Motivasi Pelajar	61
4.2.3 Motivasi Penggunaan Pembelajaran Mudah Alih (<i>M-learning</i>)	64

4.3	Analisis Hubungan Antara Motivasi Penggunaan Pembelajaran Mudah Alih (<i>M-learning</i>) dan Motivasi Pelajar	72
4.4	Kesimpulan	76
BAB 5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN LIMITASI	77
5.1	Pengenalan	77
5.2	Perbincangan Terhadap Dapatan Kajian	77
5.2.1	Tahap Motivasi Pelajar	78
5.2.2	Menganalisis Hubungan Antara Motivasi Untuk Menggunakan Pembelajaran Mudah Alih (<i>M-learning</i>) Dan Motivasi Pelajar	81
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	88
5.3.1	Institusi Pendidikan dan Sekolah	88
5.3.2	Pembangun Teknologi dan Sukarelawan	89
5.3.3	Cabaran dan Langkah	89
5.4	Limitasi Kajian	91
5.5	Cadangan Kajian Selanjutnya	92
5.6	Kesimpulan	93
	RUJUKAN	94
	LAMPIRAN	105

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Muka Surat
3.1	Pengukur Item Kajian (Motivasi Pelajar)	38
3.2	Pengukur Item Kajian (Motivasi dalam penggunaan pembelajaran mudah alih (<i>M-learning</i>))	40
3.3	Sub-skala Motivasi Pelajar	45
3.4	Skala Ordinal Lima Peringkat	45
3.5	Sub-skala Motivasi Penggunaan Pembelajaran mudah alih (<i>M-learning</i>)	45
3.6	Skala Ordinal Lima	46
3.7	Item positif dan negatif	46
3.8	Skor bagi jawapan responden	46
3.9	Nilai CVI Melalui Semakan Pakar	47
3.10	Nilai Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Setiap Konstruk	49
3.11	Pengkelasan Tahap dan Skor Min	51
4.1	Normaliti Motivasi Penggunaan Pembelajaran Mudah Alih (<i>M-learning</i>) dengan motivasi pelajar (<i>Normality test</i>)	54
4.2	Profil Demografi Responden	56
4.3	Motivasi Pelajar (Min dan Sisihan Piawai)	61
4.4	Interaktiviti Pembelajaran Min dan Sisihan Piawai	63
4.5	Kemudahan Penggunaan (<i>Perceived Ease of Use</i>) Min dan Sisihan Piawai	66
4.6	Kebolehgunaan (<i>Perceived Ease of Use</i>) Min dan Sisihan Piawai	67
4.7	Pengaruh Social (<i>Social Influence</i>) Min dan Sisihan Piawai	69

4.8	Analisis Min Mengikut paling dominan kategori Motivasi Penggunaan Pembelajaran Mudah Alih (<i>M-learning</i>)	70
4.9	Hubungan bagi motivasi penggunaan pembelajaran mudah alih (<i>M-learning</i>) dan motivasi pelajar	73
4.10	Hubungan bagi motivasi dalam penggunaan pembelajaran mudah alih (M-learning) dan motivasi pelajar	74

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka Surat
1.1	Kerangka konseptual kajian	9
2.1	Teori Penentuan Kendiri (<i>Self-determination Theory</i> , <i>Ryan & Deci, 2017</i>)	27
2.2	Pengaruh Sosial Dalam Menggunakan Pembelajaran Mudah Alih (<i>M-Learning</i>)	31
2.3	Kebolegunaan Dalam Menggunakan Pembelajaran Mudah Alih (<i>M-Learning</i>)	32
2.4	Kemudahan Penggunaan Dalam Menggunakan Pembelajaran Mudah Alih (<i>M-Learning</i>)	32
2.5	Interaktiviti Pembelajaran Dalam Menggunakan Pembelajaran Mudah Alih (<i>M-Learning</i>)	33
3.1	Prosedur Pengumpulan Data Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris	48
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	57
4.2	Taburan responden mengikut umur	57
4.3	Taburan responden mengikut bangsa	58
4.4	Taburan responden mengikut semester	59

SENARAI SINGKATAN

COVID-19	<i>Coronavirus disease 2019</i>
CVI	<i>Content Validity Indeks</i>
M-Pembelajaran	<i>Mobile Learning</i> atau Pembelajaran mudah alih
M-learning	<i>Mobile Learning</i> atau Pembelajaran mudah alih
KKM	Kementerian Kesihatan Malayisa
KMO	Kaiser-Meyer-Olkin
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
SITC	Sultan Idris Training College
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
TAM	<i>Technology Acceptance Model</i>
UPSI	Univerisiti Pendidikan Sultan Idris
UTAUT	<i>User Acceptance of Information Technology: Toward A Unified View</i>

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Perkara
A	Surat Permohonan Kebenaran Data Bilangan Pelajar Ijazah Sarajana Muda Dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Mengikut Semester 4 Hingga Semester 8
B	Jadual Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). <i>Determining Sample Size For Research</i>
C	Borang Soal Selidik

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan tinggi merupakan landasan bagi kemajuan sebuah negara dan memainkan peranan penting dalam mempersiapkan generasi muda dengan pengetahuan, kemahiran, dan nilai-nilai yang diperlukan untuk mencapai kejayaan dalam masyarakat yang semakin kompleks. Di Malaysia, universiti pendidikan premier memegang peranan utama dalam menyediakan pendidikan berkualiti kepada pelajar yang bakal menjadi bakal guru, pemimpin, dan profesional dalam pelbagai bidang. Kepopularan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) di universiti menjadikan institusi pengajian tinggi tempat yang sesuai untuk mengintegrasikan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) yang berpusatkan pelajar (Norliza, 2013).

Secara ringkasnya, pembelajaran mudah alih (*M-Learning*) boleh didefinisikan sebagai melakukan sebarang tugas pembelajaran menggunakan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) dan kemudahan komunikasi tanpa wayar pada bila-bila masa di mana sahaja. Dalam pembelajaran mudah alih, pelajar membolehkan diri belajar dengan pelbagai peranti mudah alih seperti telefon pintar, tablet, komputer peribadi, pembaca elektronik, komputer riba, dan mana-mana peranti mudah alih lain yang mempunyai keupayaan komputer. Dalam pembelajaran mudah alih, pelajar mengakses fail kandungan digital dalam pelbagai bentuk elektronik seperti teks, video, audio, PDF, dan banyak lagi format digital melalui peranti mudah alih (Dhammika Dolawattha 2019).

Motivasi didefinisikan sebagai daya pendorong psikologi yang merangsang individu untuk mencapai matlamat tertentu atau menjalankan sesuatu tugas tertentu (Maferima dan Ayelet, 2014). Motivasi adalah penting dari segi pembelajaran dan bagaimana ia mempengaruhi pemahaman konsep (Rachel dan Holly, 2013). Faktor yang mempengaruhi motivasi belajar juga menjadi penentu dalam mengetahui motivasi belajar pelajar akan tinggi atau rendah. (Nur Hafizoh Idrus, 2022).

Universiti yang sering dianggap sebagai "universiti pendidikan premier" boleh termasuk institusi yang menonjol dalam penawaran program pendidikan, penyelidikan dalam bidang pendidikan, dan memberikan sumbangan yang signifikan kepada bidang pendidikan secara keseluruhan. Universiti ini dilihat sebagai institusi yang menonjol dalam penyediaan pelbagai program pendidikan, penawaran program-program berkualiti, dan sumbangan yang signifikan kepada perkembangan pendidikan.

Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim, Perak merupakan universiti pendidikan yang terunggul di negara ini. Sebelum penubuhannya, ianya pernah dikenali sebagai Sultan Idris Training College (SITC) iaitu institusi pendidikan guru pada tahun 1922 dan seterusnya kepada maktab perguruan dan institut perguruan sebelum dinaiktaraf sebagai sebuah universiti pada tahun 1997 (Mahizer Hamzah, 2007). Universiti Pendidikan Sultan Idris adalah satu contoh universiti di Malaysia yang dikenali dengan penekanannya dalam bidang pendidikan dan penghasilan guru. UPSI mempunyai reputasi yang baik dalam penyediaan pendidikan guru dan telah menyumbang kepada pembangunan pendidikan di Malaysia.

Oleh itu perubahan berlaku dalam alam pengajian tinggi, membawa kepada muncul konsep pengajaran dan pembelajaran berasaskan mobiliti pelajar iaitu pembelajaran mudah alih (*M-learning*). Ini memudahkan reka bentuk dan pelaksanaan strategi aktif dalam bilik darjah. Melaksanakan perkhidmatan mudah alih dalam pendidikan dalam bentuk pembelajaran mudah alih adalah satu proses yang inovatif di banyak peringkat pendidikan tinggi. Oleh itu, adalah mungkin untuk mentakrifkan pembelajaran mudah alih sebagai titik yang berinteraksi untuk menyediakan teknologi komputer mudah alih dan pembelajaran berasaskan internet. Penggunaannya dapat meningkatkan motivasi pelajar dan meningkatkan minat mereka terhadap mata pelajaran tersebut. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka bagaimana pengajaran dan

pembelajaran pendidikan tinggi dipengaruhi oleh penyepaduan peranti pengkomputeran mudah alih.

Bab ini turut merangkumi permasalahan kajian yang cuba dijawab dalam penyelidikan, iaitu motivasi menggunakan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) dan motivasi pelajar di universiti pendidikan premier Malaysia. Penyelidik menjelaskan kesukaran utama yang dihadapi oleh pelajar universiti dalam pengalaman pembelajaran mereka ialah mengekalkan motivasi, terutamanya selepas mereka terpaksa beralih daripada pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran mudah alih (*M-learning*) akibat pandemik COVID-19. Isu-isu ini dikaitkan dengan penggunaan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) sebagai satu potensi solusi untuk meningkatkan minat pelajar dalam melanjutkan pelajaran mereka.

1.2 Latar Belakang Kajian

McQuiggan et al. (2015) memberikan gambaran ringkas sejarah perkembangan teknologi pendidikan: Teknologi digital (memahami komputer, komputer riba, netbook) telah diperkenalkan secara eksperimen dalam sistem pendidikan pada tahun 1950-an bermula dengan komputer pertama. Ia sentiasa menjadi alat revolusi pendidikan yang menjanjikan, tetapi walaupun begitu, ia tidak berjaya mengubah konsep pengajaran secara menyeluruh sejak hari ini. Pelajar mempunyai akses yang lebih luas kepada komputer di sekolah sejak tahun 1980-an, tetapi kurikulum pengajaran sentiasa memberi tumpuan kepada penerangan tentang bagaimana komputer berfungsi, pengaturcaraan dan permainan tanpa menggunakan secara menyeluruh untuk menyokong pengajaran agar pembelajaran menjadi lebih alami dan menarik minat pelajar. Tambahan pula, dengan menggunakan komputer dalam pendidikan memastikan pelajar dapat menyesuaikan kadar pembelajaran mereka dengan diri mereka sendiri, tetapi secara amnya, itulah satu-satunya faedah daripadanya kerana komputer tidak menyesuaikan proses pembelajaran itu sendiri mengikut keperluan individu (Moris Zahtila, 2018). Dalam pembelajaran abad ke-21, peranti mudah alih membuat proses pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar peringkat tertiar (Karim dan Salim, 2020).

Manakala, di Malaysia, sistem pendidikan kita sedang mengalami perubahan daripada pelbagai aspek seperti penggunaan, pendekatan, strategi, kaedah, teknik, alat, serta sumber dalam proses pembelajaran (Noor Desiro dan Hazrati, 2021). Pendidikan 4.0 akan menjadi trend terkini dalam pendidikan tinggi dan secara amnya akan mengambil kira teknologi digital. Dalam dunia teknologi digital, peranti mudah alih merupakan pendekatan ICT yang paling banyak digunakan. Dalam realitinya, purata orang yang menggunakan telefon bimbit setiap hari telah meningkat sejak sepuluh tahun yang lalu, dan ia telah dilabelkan sebagai dekad telefon pintar. Walau apa pun, evolusi telefon bimbit telah menjadi perjalanan yang benar-benar merangsang. Pembangunan teknologi mudah alih telah tersebar dengan pantas dalam zaman moden kita masyarakat. Teknologi mudah alih semakin berleluasa dalam persekitaran pendidikan tinggi. Oleh itu, pendidik mesti menerima dan mengeksplotasi penggunaan kemahiran mudah alih agar kekal relevan. Penggunaan telefon pintar semakin popular dalam kalangan pelajar.

Perkembangan pesat dalam pembelajaran mudah alih (*M-learning*) telah membuka peluang baru dalam bidang pendidikan. Pada kebelakangan ini, penembusan telefon pintar dan tablet dalam kalangan masyarakat Malaysia dan di peringkat global telah meningkat dengan pesat. Perkiraan menunjukkan bahawa pada tahun 2018, penembusan telefon pintar telah mencapai 66%, manakala tablet mencapai 20% (Mostafa Al-Emran, 2019). Selain itu, pembelajaran mudah alih (*M-learning*), termasuk tablet dan telefon pintar, kini menjadi cara utama untuk mengakses internet, dan dijangkakan kadar penembusan internet mudah alih akan mencapai 71% daripada jumlah penduduk dunia menjelang tahun 2025 (GSMA, 2018). Perubahan ini telah membuka pintu kepada pelbagai peluang dalam bidang pendidikan. Penggunaan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) telah memungkinkan pembelajaran yang lebih fleksibel, membolehkan pelajar mengakses maklumat dan sumber pembelajaran pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Oleh itu, ia mewujudkan potensi untuk transformasi dalam cara pembelajaran dan pengajaran di universiti.

Oleh itu, pembelajaran mudah alih (*M-learning*) boleh dianggap sebagai alat pendidikan yang efektif yang memainkan peranan penting dalam persekitaran pendidikan moden di Malaysia (Moorthy, 2019). Pembelajaran mudah alih (*M-*

learning) dapat memberikan sumbangan kepada peningkatan prestasi akademik dengan menyediakan maklumat dan bahan kepada instruktur dan pelajar pada bila-bila masa dan di mana sahaja melalui teknologi rangkaian tanpa wayar (Sarrab, 2018). Pembelajaran mudah alih (*M-learning*) yang tinggi dalam pendidikan adalah diinginkan kerana pembelajaran mudah alih (*M-learning*) dapat memberikan pelajar beberapa kelebihan seperti akses yang meluas kepada media, kandungan pembelajaran yang kaya, interaksi sosial dan kerjasama dengan rakan sebaya, dan pembelajaran pada masa yang diperlukan (Arpaci, 2013).

Walau bagaimanapun, pembelajaran mudah alih (*M-learning*) menjanjikan banyak faedah dalam pembelajaran, penggunaannya masih bergantung kepada motivasi pelajar. Keupayaan pelajar untuk memanfaatkan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) dalam pembelajaran mereka bergantung kepada tahap motivasi mereka untuk menggunakannya (Yulita, 2017). Walaupun terdapat pelbagai potensi manfaat dalam penggunaan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) dalam pendidikan, motivasi pelajar dan motivasi menggunakan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) masih perlu dijelaskan secara lebih mendalam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji dengan lebih terperinci tentang motivasi pelajar dalam menggunakan pembelajaran mudah alih di konteks universiti pendidikan premier Malaysia.

Universiti yang sering dianggap sebagai "universiti pendidikan premier" adalah UPSI (Universiti Pendidikan Sultan Idris). UPSI dikenali dengan penekanannya dalam bidang pendidikan dan penghasilan guru. Universiti ini memiliki reputasi baik dalam penyediaan pendidikan guru dan telah memberikan sumbangan penting kepada perkembangan pendidikan di Malaysia. Keupayaan dan keberkesanan guru melaksanakan tanggungjawab ini berkait rapat dengan program latihan yang diterima (Darling-Hammond, 2000; Mohamad Khairi & Asmawati, 2010). Program persediaan guru yang mantap berupaya mewujudkan guru-guru yang kompeten (National Commission on Teaching and America's Future, 2003; Nur Hafizoh & Rohana, 2012). Jelaslah, keberkesanan guru berkait secara langsung dengan faktor kaedah pengajaran, keberkesanan kursus-kursus akademik yang disediakan di pusat pengajian atau latihan dan pengaruh persekitaran. Sebagai sebuah institusi yang menyediakan tenaga profesional dalam bidang pendidikan, UPSI memberi perhatian yang serius bagi memaju dan meningkatkan kualiti program pengajiannya. Tujuannya, supaya

tanggungjawab menyediakan guru yang terlatih dan berkualiti dapat dijayakan dengan sebaik mungkin. (Hanifah Mahat, 2016). Universiti pendidikan premier memainkan peranan utama dalam melahirkan guru-guru yang berkualiti dan berpengetahuan. Mereka memastikan guru-guru yang dihasilkan adalah cemerlang dan bersedia untuk menghadapi cabaran dalam dunia pendidikan.

Di samping itu, isu permasalahan kajian ini ialah kesukaran utama yang dihadapi oleh pelajar universiti dalam pengalaman pembelajaran mereka mengekalkan motivasi, terutamanya selepas mereka terpaksa beralih daripada pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran mudah alih (*M-learning*) akibat pandemik COVID-19 (New Straits Times, 2020).

1.3 Permasalahan Kajian

Kesukaran utama yang dihadapi oleh pelajar universiti dalam pengalaman pembelajaran mereka ialah mengekalkan motivasi, terutamanya selepas terpaksa beralih daripada pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran mudah alih (*M-learning*) akibat pandemik COVID-19. Walaupun sebilangan pelajar telah berjaya menyesuaikan diri dengan norma baharu ini, masih ramai yang menghadapi masalah teknikal, serta perasaan sunyi dan terasing, sambil tidak mempunyai motivasi untuk meneruskan pembelajaran mereka. Perasaan kesunyian atau pengasingan juga mungkin timbul jika pelajar menangani topik dan tugas baharu tanpa sokongan yang biasanya mereka terima, terutamanya komunikasi fizikal dan segera dengan pengajar dan rakan sekelas (New Straits Times, 2020). Penggunaan mod pembelajaran dalam talian telah mendapat perhatian di institusi pendidikan di seluruh dunia khususnya di Malaysia akibat daripada tercetusnya penyebaran Covid 19.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengeluarkan arahan agar universiti atau kolej menggunakan pembelajaran dalam talian sepanjang penutupan institusi pendidikan. Hal ini menyebabkan proses pembelajaran bertukar dari pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran atas talian. Melihat kepada kesan Covid 19, tidak dapat dipastikan sama ada pembelajaran boleh kembali kepada pembelajaran biasa dalam tempoh terdekat kerana perlunya

mengamalkan penjarakan fizikal antara satu sama lain. Terdapat keperluan untuk melindungi pelajar, tenaga pengajar, staf akademik, komuniti, masyarakat, dan negara kita secara keseluruhan. (Rosdi, Syed Hassan, dan Mahfuz, 2021)

Apabila Kementerian Pengajian Tinggi memutuskan bahawa pengajaran dan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) di peringkat pengajian tinggi akan diteruskan, kebimbangan pelajar lebih ditekankan. Menurut News Straits Times, motivasi sering merosot sekiranya pelajar gagal mencapai matlamat mereka dalam apa yang mereka lakukan (Siti Fatimah 2022).

Walaupun peningkatan kelaziman pembelajaran mudah alih (*M-learning*) di institusi pengajian tinggi Malaysia, terutamanya di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), jurang pengetahuan yang kritikal wujud berhubung motivasi khusus yang mempengaruhi penglibatan pelajar dengan dan penggunaan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) pembelajaran.

Jurang ini menimbulkan cabaran besar bagi pihak berkepentingan pendidikan yang berusaha untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berkesan. Memandangkan Kementerian Pengajian Tinggi telah melaksanakan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) semasa Covid 19, jadi menangani jurang ini menjadi lebih penting. Selain itu, peralihan baru-baru ini daripada pembelajaran bersemuka tradisional kepada pembelajaran mudah alih (*M-learning*) didorong oleh pandemik Covid-19 global, telah menyerlahkan kepentingan memahami tahap motivasi yang mempengaruhi pengalaman pembelajaran pelajar.

Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap motivasi pelajar yang berbeza-beza dalam kalangan pelajar di UPSI, sebuah universiti terkemuka di Malaysia, dan menganalisis dengan teliti hubungan motivasi penggunaan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) antara motivasi pelajar untuk terlibat secara aktif. Dengan berbuat demikian, kajian ini berusaha untuk memberikan pandangan berasaskan empirikal yang boleh menyumbang kepada reka bentuk dan pelaksanaan platform pembelajaran mudah alih (*M-learning*). Wawasan ini adalah penting untuk mengoptimumkan penglibatan pelajar, mengatasi cabaran yang ditimbulkan oleh

landskap pembelajaran baharu, dan akhirnya meningkatkan kualiti pendidikan keseluruhan dalam konteks pendidikan tinggi Malaysia.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Apakah tahap motivasi pelajar dalam kalangan pelajar universiti pendidikan premier Malaysia?
- ii. Apakah hubungan antara motivasi untuk menggunakan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) dan motivasi pelajar universiti pendidikan premier Malaysia?

1.5 Objektif kajian


Kajian ini dilaksanakan adalah untuk

- i. Untuk mengenalpasti tahap motivasi dalam kalangan pelajar universiti pendidikan premier Malaysia.
- ii. Untuk menganalisis hubungan antara motivasi untuk menggunakan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) dan motivasi pelajar di universiti pendidikan premier Malaysia.

1.6 Hipotesis Kajian

H₁ Terdapat hubungan signifikan antara motivasi untuk menggunakan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) dan motivasi pelajar universiti pendidikan premier Malaysia.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1: Kerangka konseptual kajian

Pembelajaran mudah alih (*M-learning*) telah dikenal pasti sebagai komponen kritikal dalam pendidikan moden, membolehkan pelajar mengakses bahan pembelajaran secara fleksibel dan interaktif. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pengaruh sosial mempunyai peranan penting dalam menerima dan menggunakan teknologi baru, termasuk dalam konteks pembelajaran (Venkatesh dan Davis, 2000). Kebolehgunaan, juga dikenal pasti sebagai penentu utama dalam penerimaan teknologi, mempengaruhi motivasi pelajar untuk melibatkan diri dalam M-pembelajaran (Davis, 2000). Kemudahan penggunaan yang dirasakan, yang mengukur betapa intuitif dan bebas halangan teknologi itu, menyumbang kepada tahap penggunaan M-pembelajaran dalam kalangan pelajar. (Venkatesh dan Bala, 2008).

Teori Penerimaan dan Penggunaan Teknologi Bersepadu (UTAUT) ialah model teori yang membangun dan menguji faktor yang mempengaruhi keputusan individu untuk menerima dan menggunakan teknologi. Model ini mula diperkenalkan oleh (Venkatesh, 2003) dan merupakan integrasi pelbagai teori dan model penerimaan teknologi terdahulu, termasuk Model Penerimaan Teknologi (TAM), Model

Kepercayaan Teknologi (TPB), Teori Tindakan Bermotivasi (MAT) dan Model Penyebaran Inovasi (IDT).

Pertama, pengaruh sosial merupakan faktor penting dalam model (UTAUT), seperti yang ditekankan oleh Venkatesh dan rakan-rakan dalam kajian mereka pada tahun 2003. Pengaruh sosial merujuk kepada tahap di mana individu merasakan bahawa orang lain yang penting mengharapkan mereka menggunakan teknologi baharu. (Venkatesh, 2003). Dalam konteks pembelajaran mudah alih, pengaruh ini boleh datang daripada pelbagai sumber seperti rakan sebaya, tenaga pengajar, dan keluarga yang memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi pelajar terhadap pembelajaran mudah alih (*M-learning*).

Kedua, kebolegunaan merujuk kepada kepercayaan individu berkenaan sejauh mana penggunaan teknologi tertentu akan meningkatkan prestasi mereka (Venkatesh, 2003). Dalam kajian ini, kebolegunaan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) dinilai berdasarkan faedah yang dilihat oleh pelajar, seperti keupayaan untuk meningkatkan kecekapan pembelajaran dan memperkaya pengalaman pembelajaran mereka.

Ketiga, kemudahan penggunaan ditakrifkan sebagai tahap di mana individu percaya bahawa menggunakan teknologi tertentu akan bebas daripada usaha (Venkatesh, 2003). Dalam konteks M-pembelajaran, ini mungkin termasuk antara muka pengguna yang intuitif, ketersediaan bahan pembelajaran yang mudah diakses, dan sokongan teknikal yang mencukupi, yang semuanya memudahkan pelajar menerima dan menggunakan teknologi pembelajaran ini.

Akhir sekali, interaktiviti pembelajaran merupakan aspek penting dalam pengalaman pembelajaran digital, yang memberi peluang kepada pelajar untuk mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran yang dinamik dan responsif (Rogers, 2005). Interaktiviti ini membantu dalam meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran.

Motivasi untuk menggunakan penggunaan pembelajaran mudah alih (*M-learning*), yang merupakan cerminan keinginan dan kesanggupan pelajar untuk melibatkan diri dengan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) (Deci dan Ryan, 2000).

Pembolehubah bersandar ialah pembolehubah motivasi pelajar merujuk kepada tahap keseluruhan motivasi pelajar untuk belajar. Anak panah dalam rajah menunjukkan arah hubungan antara pembolehubah.

1.8 Sumbangan Kajian

Dengan hasil kajian ini, penyelidik berharap dapat menyumbang kepada peningkatan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, khususnya di kalangan pelajar universiti. Kajian ini memiliki kepentingan kerana memberikan pandangan yang sebenar tentang motivasi dalam penggunaan pembelajaran mudah alih (M-learning) dan motivasi pelajar. Melalui kajian ini, diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan untuk merancang dan memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti serta meningkatkan motivasi pelajar.

1.8.1 Kepentingan Kajian Kepada Pelajar

Dapatan kajian ini boleh membantu pelajar pentingnya kajian ini terhadap pelajar universiti pendidikan premier Malaysia terletak dalam pengungkapan dan pemahaman lebih mendalam terhadap motivasi pelajar keseluruhan. Dengan menyelidik dan mengenalpasti tahap motivasi, kita dapat memahami cara untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Selain itu, analisis terhadap hubungan antara motivasi pelajar dan penggunaan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) dapat membawa kepada pembangunan strategi pembelajaran yang lebih relevan dan inovatif, memastikan pelajar dapat memaksimumkan manfaat daripada teknologi pendidikan moden. Kajian ini memberikan peluang kepada pelajar untuk membentuk persekitaran pembelajaran yang lebih baik sesuai dengan keperluan dan kehendak mereka. Dengan memahami motivasi seseorang pelajar, institusi pendidikan boleh memberi tumpuan kepada inisiatif yang dapat memperkukuhkan semangat pembelajaran dan membantu pelajar mencapai potensi maksimum mereka. Hasil kajian ini juga dapat memberi panduan kepada pihak pengurusan universiti dalam merancang program dan polisi yang lebih baik, memberikan manfaat kepada keseluruhan komuniti akademik.

1.8.2 Kepentingan Kajian Kepada Pensyarah

Kajian ini dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang motivasi pelajar. Ini membolehkan pensyarah memahami dengan lebih baik keperluan dan harapan pelajar, serta membantu mereka merancang dan menyampaikan pengajaran yang lebih sesuai dan memberangsangkan. Menurut Rosniah Mustaffa, (2007) menyatakan bahawa gaya pembelajaran seseorang individu berubah mengikut cara ianya diajar atau sama ada gaya pembelajaran kekal bagi seseorang individu. Dengan mengetahui motivasi utama pelajar, pensyarah dapat menyelaraskan strategi pengajaran mereka untuk lebih menarik dan memotivasikan pelajar. Ini dapat melibatkan penggunaan kaedah pengajaran yang lebih interaktif, bahan pembelajaran yang lebih relevan, dan aktiviti pembelajaran yang lebih menarik. Kajian ini juga membuka ruang untuk pensyarah untuk memahami sejauh mana pelajar bersedia dan termotivasi untuk menggunakan pembelajaran mudah alih (*M-learning*). Dengan pengetahuan ini, pensyarah boleh mengintegrasikan teknologi pembelajaran dalam pengajaran mereka dengan cara yang lebih berkesan.

Hasil kajian ini boleh membekalkan pensyarah dengan petunjuk untuk memantau tahap motivasi pelajar secara berterusan. Jika terdapat penurunan motivasi, pensyarah boleh merancang intervensi yang sesuai untuk menyokong pelajar dan mengembalikan semangat pembelajaran dan dapat memainkan peranan dalam pembangunan profesionalisme pensyarah dengan memberikan pandangan baru dan pengetahuan terkini dalam bidang motivasi pelajar dan penggunaan teknologi pembelajaran. Ini boleh memberikan inspirasi kepada pensyarah untuk terus meningkatkan mutu pengajaran mereka. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan sumbangan penting kepada perkembangan profesional pensyarah dan pendidik, membantu mereka mencapai matlamat pendidikan yang lebih baik, dan menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna bagi pelajar.

1.8.3 Kepentingan Kajian Kepada Institusi

Kajian ini juga dapat membantu para pendidik mengenal pasti peringkat motivasi pelajar dari peringkat awal lagi. Kajian ini memegang peranan yang signifikan dalam penyumbangan kepada pengurusan dan institusi pendidikan, menyediakan maklumat

yang berharga untuk meningkatkan keberkesanan operasi dan memberi tumpuan kepada keperluan pelajar. Kajian ini membolehkan pengurusan dan institusi mendapatkan pemahaman holistik terhadap motivasi pelajar, termasuk klasifikasi pelajar berdasarkan tahap motivasi (tinggi, sederhana, rendah). Hasil kajian ini dapat digunakan oleh pengurusan dan institusi untuk mengoptimumkan sumber dan alat pengajaran. Mereka boleh menyesuaikan program pengajaran dan pembelajaran mengikut tahap motivasi pelajar, memastikan penggunaan sumber yang sesuai dan memberikan sokongan yang diperlukan.

1.8.4 Kepentingan Kajian Kepada Penyelidik

Kajian ini mempunyai kepentingan yang besar kepada penyelidik negara dalam usaha memacu pendidikan ke arah dimensi global. Fungsi penyelidik adalah elemen utama dalam memacu perubahan ke arah meningkatkan kualiti pendidikan negara ini. Sebilangan besar kajian dan menyelidik dalam bidang pendidikan telah dijalankan dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan khususnya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Ia memberikan panduan kepada pihak pengurusan universiti untuk mengenal pasti tahap di mana motivasi pelajar perlu ditingkatkan, memberikan landasan untuk strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif dan memberikan sumbangan kepada pemerkasaan pendidikan negara dengan menghasilkan data dan analisis yang dapat membantu dalam menggubal dasar dan inisiatif pendidikan yang berkesan. Dengan memahami motivasi penggunaan (*M-learning*) dan motivasi pelajar penyelidik dapat memberikan cadangan-cadangan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan pengajaran di universiti pendidikan premier Malaysia.

Kesimpulannya, kajian ini bukan hanya memenuhi keperluan akademik tetapi juga memainkan peranan kunci dalam membentuk arah dan strategi pendidikan negara, menjadikan penyelidik sebagai tulang belakang dalam menggerakkan perubahan positif dalam bidang pendidikan.

1.9 Batasan Kajian

1.9.1 Keputusan Khusus Konteks

Penyelidikan ini dijalankan di universiti pendidikan premier Malaysia dan program pendidikan sahaja. Oleh itu, keputusan yang diperoleh mungkin memiliki kekhususan konteks. Penemuan dari kajian ini mungkin tidak boleh digunakan secara meluas untuk semua institusi pendidikan utama. Ini bermakna bahawa generalisasi hasil kajian kepada institusi-institusi berbeza perlu dilakukan dengan berhati-hati.

1.9.2 Had Masa

Proses penyelidikan mungkin dikekang oleh faktor masa, termasuk had masa yang ditetapkan untuk menjalankan kajian. Pengehadan ini boleh menjejaskan kelengkapan pengumpulan dan analisis data. Keterbatasan masa juga boleh menghadkan kedalaman analisis dan interpretasi data yang diperoleh.

1.9.3 Kadar Tindak Balas

Kadar tindak balas daripada peserta dalam tinjauan atau temu bual mungkin lebih rendah daripada yang dijangka. Ini berpotensi memperkenalkan bias bukan tindak balas dalam kajian, kerana peserta yang tidak merasa berminat mungkin cenderung untuk tidak menyertai kajian.

1.9.4 Teknik Analisis

Keberkesanan teknik analisis yang digunakan dalam kajian mungkin dikekang oleh ketersediaan perisian atau kepakaran penyelidik. Ini boleh menghadkan kedalaman pandangan yang diperoleh daripada data. Keputusan kajian mungkin terhad kepada kemampuan penyelidik dan perisian yang digunakan dalam menganalisis data.

Kesimpulannya, penting untuk memahami dan mengambil kira batasan-batasan kajian ini ketika menilai hasil dan interpretasinya. Kesedaran terhadap batasan-batasan ini akan membantu dalam menafsirkan hasil kajian dengan lebih tepat dan konsisten.

1.10 Definisi Operasi

1.10.1 Motivasi

(Thursan dan Hakim, 2000) mengemukakan pengertian motivasi adalah suatu dorongan kehendak yang menyebabkan seseorang melakukan suatu perbuatan untuk mencapai tujuan tertentu. Motivasi pelajar dalam konteks kajian ini merujuk kepada motivasi mereka untuk menggunakan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) dalam proses pembelajaran mereka di universiti pendidikan premier Malaysia.

1.10.2 Pembelajaran

Menurut Yaakub (1996), pembelajaran merupakan proses memperoleh ilmu pengetahuan yang baru mahupun yang mengalami perubahan, kemahiran dan penyusunan semula pengetahuan yang sedia ada. Dalam konteks kajian ini, pembelajaran membawa maksud proses memperolehi ilmu pengetahuan atau kemahiran di dalam pembelajaran mudah alih (*M-Learning*).

1.10.3 Mudah alih

Frasa mudah alih dalam konteks kajian ini bermaksud alat atau peranti elektronik yang boleh digerakkan atau boleh dialihkan dengan mudah dan cepat daripada satu tempat dengan tempat yang lain. (Norliza, 2013).

1.10.4 Pembelajaran Mudah Alih atau *Mobile Learning (M-learning)*

Pembelajaran mudah alih atau *Mobile Learning (M-Learning)* dapat didefinisikan sebagai penyampaian bahan pembelajaran elektronik pada alat komputasi mobile agar dapat diakses dari mana saja dan pada setiap masa. Dalam konteks kajian ini *M-Learning* boleh ditakrifkan sebagai penggunaan sebarang peranti mudah alih yang direka bentuk untuk membolehkan maklumat diakses daripada mana-mana lokasi dan pada setiap masa. (Norliza, 2013)

1.10.5 Pelajar universiti pendidikan premier Malaysia

Pelajar universiti pendidikan premier Malaysia adalah merujuk kepada pelajar yang berumur lebih 18 tahun yang mengikuti program pengajian universiti pendidikan premier di Malaysia.

1.10.6 Pengaruh Sosial (*Sosial Influence*)

Pembelajaran mudah alih (*M-learning*), pengaruh sosial dapat memainkan peranan yang penting dalam memotivasi pelajar. Pengaruh dari rakan sebaya, norma masyarakat, dan sokongan sosial dapat membentuk sikap dan motivasi terhadap penggunaan pembelajaran mudah alih (*M-learning*).

1.10.7 Kebolehgunaan (*Perceived Usefulness*)

Dalam konteks pembelajaran mudah alih (*M-learning*), kebolehgunaan melibatkan keyakinan pelajar bahawa penggunaan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) akan memberi manfaat dan meningkatkan prestasi pembelajaran mereka.

1.10.8 Kemudahan Penggunaan (*Perceived Ease of Use*)

Dalam konteks pembelajaran mudah alih (*M-learning*), kemudahan penggunaan melibatkan persepsi pelajar terhadap kesenangan dan kelancaran menggunakan pembelajaran mudah alih (*M-learning*). Jika pelajar merasakan bahawa M-learning mudah difahami, navigasi ringkas, dan tidak memerlukan usaha yang besar, mereka cenderung untuk menerima dan menggunakan teknologi tersebut.

1.10.9 Interaktiviti Pembelajaran (*Learning Interactivity*)

Interaktiviti Pembelajaran merujuk kepada sejauh mana peluang dan cara pelajar terlibat dalam proses pembelajaran, khususnya melalui penggunaan elemen-elemen interaktif seperti latihan, ujian, permainan, atau aktiviti lain yang membolehkan mereka berinteraksi secara langsung dengan bahan pembelajaran. Dalam konteks pembelajaran mudah alih (*M-learning*), interaktiviti pembelajaran memainkan peranan penting dalam



meningkatkan penglibatan pelajar dan memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih dinamik serta menarik.

1.11 Struktur Penyelidikan

Kajian ini akan mengikuti struktur yang terperinci seperti bab satu iaitu pendahuluan. Penerangan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, merumuskan persoalan kajian, hipotesis yang ingin diuji dalam penyelidikan in dan kepentingan kajian. Bab ini memberikan pandangan keseluruhan mengenai kajian yang akan dijalankan dan pentingnya mengkaji hubungan antara dan motivasi untuk menggunakan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) dan motivasi pelajar di universiti pendidikan premier Malaysia. serta kepentingan kajian ini. Justifikasi pemilihan topik dan signifikannya dalam konteks pendidikan. Bab dua ialah Kajian Literatur. Bab ini akan merangkumi tinjauan terhadap kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan menyelidik motivasi pelajar untuk menggunakan pembelajaran mudah alih di universiti pendidikan premier Malaysia. Tinjauan literatur akan mengemukakan perspektif terkini dan relevan, termasuk konsep dan teori-teori yang berkaitan motivasi pelajar untuk menggunakan pembelajaran mudah alih. Rujukan-rujukan yang digunakan akan terdiri daripada artikel jurnal terkini dan terkemuka dalam bidang ini. Seterusnya, bab tiga iaitu Metodologi Penyelidikan. Bab ini akan menjelaskan rancangan kajian, populasi dan sampel kajian, kaedah pengumpulan data, serta kaedah analisis data yang akan digunakan. Penjelasan tentang instrumen kajian dan kaedah pengukuran variabel juga akan disertakan. Selain itu, etika penyelidikan dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan kajian juga akan dibincangkan. Seterusnya, bab empat Analisis dan Keputusan. Bab ini akan menerangkan proses analisis data yang melibatkan penggunaan kaedah statistik yang sesuai untuk menjawab setiap objektif kajian. Hasil analisis akan dipaparkan secara terperinci dalam bentuk jadual, graf, dan naratif untuk memberikan pemahaman yang jelas tentang tahap motivasi pelajar dan menganalisis motivasi penggunaan pembelajaran mudah alih (*M-learning*). Bab lima ialah perbincangan dan kesimpulan. Implikasi kajian akan dibincangkan, termasuk implikasi teori dan praktikal. Selain itu, bab ini juga akan menyimpulkan dapatan kajian, menyatakan sumbangan kajian ini dalam konteks akademik dan praktikal, serta mengemukakan cadangan untuk kajian lanjut. Apabila





bab-bab ini disusun dengan teliti, ia akan memberikan struktur yang jelas dan konsisten bagi kajian mengenai hubungan antara motivasi pelajar dan motivasi penggunaan pembelajaran mudah alih (*M-learning*) universiti pendidikan premier Malaysia.

